KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JPSM			

Kedah anggar pampasan kekal hutan RM100 juta

Kerajaan negeri harap bayaran dalam bentuk pampasan fiskal

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan negeri menganggarkan nilai pampasan pengekalan hutan yang perlu dibayar Kerajaan Persekutuan kepada Kedah berjumlah sekurang-kurangnya RM100 juta setahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata jumlah itu adalah selepas mengambil kira kerugian akibat kehilangan hasil hutan serta kos penyelenggaraan sumber dan aliran bagi memastikan kelestarian alam semula jadi.

Bagaimanapun katanya, pihaknya berharap bayaran berkenaan dibuat dalam bentuk pampasan fiskal dan bukan dalam bentuk kos projek penanaman pokok atau sebagainya.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang menzahirkan persetujuan Kerajaan Persekutuan memberikan pampasan kepada negeri yang mengekalkan kawasan hutan simpan sebagai kawasan tadahan.

"Kedah mengekalkan kawasan hutan simpan bukan semata-mata untuk manfaat kegunaan domestik sahaja, tetapi juga sebagai suatu pengorbanan untuk seluruh negara.

"Fungsi kawasan tadahan hutan simpan Kedah adalah bukan untuk pengairan kawasan penanaman padi negeri ini sahaja, malah untuk negeri jiran, iaitu Pulau Pinang dan Perlis," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Untuk rekod luas keseluruhan kawasan hutan Kedah adalah 344,865.09 hektar yang meliputi 36.4 peratus daripada keluasan keseluruhan negeri.

Muhammad Sanusi berkata, Kedah turut membekalkan 43 peratus daripada keperluan beras nasional yang membantu Kerajaan Persekutuan menjimatkan kos import bahan makanan asas itu dari luar negara.

"Kawasan tadahan Kedah khususnya Hutan Simpan Hulu Muda seluas 163,000 hektar turut membekalkan air kepada Pulau Pinang, di mana negeri itu mengabstrak 1,100 juta liter air sehari dari Sungai Muda.

"Berbanding rakyat Kedah sendiri hanya menggunakan 800 juta liter air sehari dari Sungai Muda, ini bermakna 80 peratus kegunaan air Pulau Pinang setiap hari adalah diabstrak dari Sungai Muda," katanya.